



**MAJLIS BANDARAYA IPOH**

**ARAHAN KEWANGAN BIL. 07/2018**

Rujukan: Bil (19) dlm.MBI.B1/12/1/12 JLD.2

Jabatan Perbendaharaan  
Majlis Bandaraya Ipoh

02 Mei 2018

Setiausaha Bandaraya  
Pengarah Kanan  
Semua Ketua Jabatan / Bahagian / Unit  
Jawatankuasa Pengurusan Letak Kereta Majlis  
Majlis Bandaraya Ipoh

**GARIS PANDUAN PENGURUSAN LETAK KERETA MAJLIS BANDARAYA IPOH**

Adalah saya dengan hormatnya memohon perhatian tuan/puan mengenai perkara di atas.

2. Berhubung dengan perkara ini, adalah dimaklumkan bahawa Jawatankuasa Pengurusan Letak Kereta Majlis Bandaraya Ipoh yang terdiri daripada Jabatan Kejuruteraan (Lalulintas), Jabatan Pelesenan dan Penguatkuasaan (Pelesenan dan Lalulintas), Unit Undang - Undang, Bahagian Teknologi Maklumat, Jabatan Perancang Bandar, Jabatan Kawalan Bangunan dan Jabatan Perbendaharaan (Unit Letak Kereta) selaku urusetia telah membangunkan satu **Garis Panduan Pengurusan Letak Kereta Majlis Bandaraya Ipoh** secara komprehensif berdasarkan penekanan kepada tiga (3) pengurusan utama seperti berikut:-

- 2.1 **Kompaun**
- 2.2 **Petak Letak Kereta**
- 2.3 **Aplikasi Pintar Parkir**


3. Garis panduan ini adalah bertujuan untuk memastikan tahap pengurusan dan perkhidmatan letak kereta di Majlis Bandaraya Ipoh sentiasa kekal berada pada tahap yang cemerlang. Selain itu juga, bagi memastikan garis panduan ini sentiasa terus relevan seiring dengan pertumbuhan ekonomi dan sosial (**growing rate**) di Negeri Perak, khususnya Bandaraya Ipoh, ianya akan disemak dan dikaji semula sekurang-kurangnya sekali (1) dalam tempoh dua (2) tahun.

4. Sehubungan itu, dikemukakan kepada pihak tuan/puan sebagai rujukan dan tanggungjawab bersama dalam memastikan perkhidmatan Majlis Bandaraya Ipoh sentiasa terus kekal cemerlang.

5. **Pelaksanaan Arahan Kewangan ini adalah berkuatkuasa serta-merta.**

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

**"IPOH BERSIH, HIJAU DAN MAJU"**

  
**(DATO' ZAMRI BIN MAN)**  
Datuk Bandar Ipoh

**"LESTARIKAN INOVASI, LUHURKAN INTEGRITI"**